

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA           :** **Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**(INDERA MAHKOTA)**

**PERTANYAAN       :** **LISAN**

**TARIKH           :** **17.06.2015**

**Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kepada Dewan ini, jumlah hutang terkini negara termasuk sebarang bentuk 'Letters of Guarantee', 'Letters of Support' dan 'Letters of Comfort'. Nyatakan juga nisbahnya kepada GDP negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedudukan terkini jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir**

**Mac 2015 adalah sebanyak RM596.8 bilion atau 51.0% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).** Daripada jumlah berkenaan, **97% atau RM579.2 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM17.6 bilion atau 3% merupakan pinjaman luar pesisir.** Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan sehingga akhir 2014 adalah sebanyak RM172.0 bilion atau 14.7% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek-projek infrastruktur seperti Danalnfa dan Prasarana yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur dan operasi pengangkutan awam. Kerajaan Persekutuan dari masa ke masa memberi jaminan kepada Badan Berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

3. Mengikut rekod, satu *Letter of Support* (LOS) telah diberikan oleh

Kerajaan sehingga akhir 2014 dengan jumlah USD3.0 bilion atau RM9.5 bilion. Sehingga ini, prestasi bayaran balik pinjaman adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan tanpa sebarang tunggakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Selain itu, Kerajaan lebih berhati-hati dalam memberikan jaminan dan hanya memfokuskan kepada projek yang berimpak tinggi dan bermanfaat kepada rakyat. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampung sebarang krisis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN : 54**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian Pengangkutan akan mengenakan Bayaran Permit Kemasukan Kenderaan (VEP) terhadap semua kenderaan asing yang memasuki negara ini dari Singapura.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri pada 27 Mac 2015 telah bersetuju supaya pelaksanaan Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) dilaksanakan berkuatkuasa 1 Ogos 2015 di pintu Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Johor Bharu, Johor. Kutipan caj jalan sebanyak RM20 ini hanya melibatkan kenderaan-kenderaan persendirian berpendaftaran asing sahaja, manakala kenderaan-kenderaan Kerajaan bagi urusan rasmi, kenderaan diplomat, kenderaan barang, kenderaan perkhidmatan awam dan motosikal pendaftaran asing dikecualikan